

## **LANGKAH- LANGKAH PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK DI BANGUNAN CANSELORI DAN HAL EHWAL PELAJAR**

Langkah penjimatan tenaga elektrik merupakan sesuatu perkara yang sangat baik demi kelangsungan hidup generasi akan datang. Ini kerana penjanaan tenaga elektrik adalah berasaskan minyak, arang batu dan tenaga hidro yang tidak boleh diperbaharui sekiranya sumber tersebut mengalami kekurangan bekalan.

Bagi mengurangkan serta menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, pihak universiti tidak boleh hanya memandangkan dari aspek teknologi sahaja tetapi juga perlu melihat kepada aspek tanggungjawab pihak yang terlibat iaitu staf, pelajar, pekerja kebersihan dan pelawat. Aspek tanggungjawab akan muncul sekiranya terdapat kesedaran dalam diri pengguna namun jika keadaan sebaliknya penggunaan kemudahan teknologi moden tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Tetapi dua aspek ini digabungkan iaitu kesedaran yang tinggi di kalangan staf/ pelajar/ pekerja kebersihan dan pelawat tentang penjimatan elektrik dan penggunaan peralatan moden digunakan maka tidak mustahil dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di UTeM. Oleh itu, tenaga elektrik perlu digunakan secara cermat dan bijaksana.

Berikut adalah langkah – langkah penjimatan tenaga elektrik yang boleh dilakukan :-

1. Memadam lampu di pejabat pada waktu rehat tengahari dan waktu pulang.
2. Memadam lampu bilik / ruang tamu/ lobi bangunan dan kawasan yang diterangi dengan cahaya matahari.
3. Ruang Pejabat/ bilik-bilik Pegawai / Bilik Mesyuarat, pemasangan lampu perlu dihadkan dikawasan yang diperlukan sahaja.
4. Pastikan pintu dan tingkap pejabat sentiasa tutup kemas untuk mengelakkan udara panas dan lembab diluar masuk.
5. Lampu di Bilik Stor/Bilik Fail /Bilik Mesyuarat/Bilik Perbincangan /Bilik Temuduga/ Surau/ Pantry/Bilik Janitor/Tandas hendaklah dipadamkan dan hanya dipasang apabila ada keperluan.
6. Setkan kedudukan “ Sleep/ Standby ” pada komputer atau peralatan elektrik apabila tidak digunakan dalam jangka singkat dan matikan terus jika hendak pulang.
7. Program kesedaran seperti taklimat, ceramah dan hebahan penjimatan melalui info pengurusan tenaga dan poster penjimatan tenaga di papan kenyataan di sekitar bangunan Canselori & HEP manakala melalui hebahan media seperti Email/ Facebook/ Whatapps PTj dan Instagram serta langkah-langkah lain yang difikirkan perlu untuk penjimatan tenaga.
8. Edaran Stiker Jimat Tenaga dan Stiker Monitor PC Reminder Save Energy kepada Staf di Bangunan Canselori & HEP